

# Melihat agenda UMNO di bawah Abdullah um-17/11/2008

Oleh SIVAMURUGAN PANDIAN

PERHIMPUNAN Agung UMNO kali ini telah menjadi pentas untuk Presiden Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi memperjelas, mendengar dan memastikan keinginan untuk meneroka masa depan negara di bawah payung kepimpinannya akan mendapat sokongan padu. Tiga tahun memimpin, ada pasang surut, ada kekuatan serta kritikan; tidak kurang sarat ujiannya.

Di pihak para perwakilan mereka telah menggunakan ruang ini untuk mendengar sendiri daripada Presiden mengenai ruang persekitaran politik semasa terutama agenda pembangunan, masa depan, cabaran dan hala tuju masyarakat Melayu.

Lebih daripada itu, yang jelasnya, perbincangan dalam perhimpunan kali ini akan menjadi dasar ke atas persediaan menghadapi pilihan raya yang dijangkakan pada tahun 2008. Misi Nasional di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dianggap pemangkin kepada prinsip yang terkandung dalam manifesto pilihan raya yang lalu.

RMK-9 yang dilancarkan pada bulan Mei tahun ini masih di tahap fasa pertama, peringkat pelancaran yang akan ada tahap penerimaan dan bersifat statik. Yang diterima adalah pelan pelaksanaan Wilayah Ekonomi Selatan Johor (SJER), pembinaan jambatan

kedua Pulau Pinang dan penilaian semula ke atas trek berkembar kereta api serta industri agro yang akan dilancarkan di Sik, Kedah.

Namun, agenda UMNO di bawah Abdullah besar keazamannya, tinggi keluhurannya, mantap pendiriannya. Agendanya gah berpaksikan pembangunan yang berpusatkan kepada kemanusiaan atau *people centered development*. Tun Abdul Razak, Presiden UMNO yang ketiga adalah *role model* beliau.

Apa yang kita lihat hari ini adalah satu kesinambungan dari peninggalan Tun Razak sendiri. Yang mahu diutamakan adalah penduduk luar bandar yang rata-rata masih di takuk yang sama. Pembangunan luar bandar yang masih di persimpangan jalan diberi kepentingan terutamanya kaum nelayan dan petani. Sektor pertanian dan individu yang terlibat dalam bidang ini menjadi agenda beliau sepenuhnya.

Hari ini tumpuan sudah diberi ke atas selatan, tengah dan utara Semenanjung Malaysia dan tidak berpusat di bandar-bandar besar semata-mata. Selepas ini beliau dijangka meneroka Pantai Timur. Sabah dan Sarawak akan menyusul atau perlu dimasukkan dalam agenda menyeluruh beliau. Kemiskinan bukan hanya berlaku di Semenanjung tetapi juga di Sabah dan Sarawak yang tidak pernah gagal menyokong Barisan Nasional (BN) selama ini.

Propaganda pembangkang terutamanya

Pas hanya akan dapat diatasi dalam pilihan raya akan datang jika pelan untuk masyarakat luar bandar ini berubah daripada perancangan kepada pelaksanaan total. Ini kerana usaha mengubah mentaliti rakyat bukan mudah. Anjakan perubahan boleh dilakukan secara berperingkat-peringkat.

Kesemua ini berkepentingan untuk memastikan matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) akan tercapai sepenuhnya. Walaupun wujud pelbagai polemik dari beberapa penyelidikan yang dilakukan oleh sarjana tempatan, Unit Perancangan Ekonomi mendapati agenda penstrukturan masyarakat masih belum mencapai tahap yang dirancang.

Justeru, keutamaan yang diberikan oleh Abdullah dalam menerokai masa depan masyarakat Melayu di negara ini bertujuan supaya masyarakat Melayu akan mencapai matlamat asal mendekati 30 peratus sasaran yang ditetapkan ketika DEB diperkenalkan.

Agenda lain yang turut menjadi tumpuan pentadbiran UMNO di bawah Abdullah adalah politik wang atau takrifan barunya, rasuah politik. Barangkali ia bermaharajalela kerana tidak ada definisi yang kukuh atau takrifan jelas mengenai sifat-sifat yang membolehkan seseorang itu dianggap telah melakukan perbuatan politik wang.

Tanpa ada takrifan yang jelas, agak sukar

untuk membendung gejala ini dari berpanjangan yang akan menjadi isu besar pemilihan tahun 2009. Lubuk mesti ditutup bukan dibiarkan kemunculan lubang baru.

Bagaimana pembabitan perwakilan di peringkat bahagian dapat mengekang aktiviti rasuah politik jika definisinya longgar dan membiarkan perwakilan terus mempersoalkannya dan pada waktu yang sama menggunakan keselesaan kerapuhan definisi untuk membolehkan rasuah membiak dengan aktif. Sementara itu, sikap keterbukaan Abdullah ada kekuatannya.

Seorang yang dilihat sebagai sentiasa bersedia berunding dan berbincang di belakang tabir, yang diutamakan adalah kemuafakatan dan kesepakatan dalam menangani sesuatu isu. Abdullah menjadi pengimbang antara dunia Islam dan Barat hari ini. Agenda UMNO beliau mungkin berhadapan dengan cabaran jika ruang-ruang kebebasan yang diberikan tidak dipantau sepenuhnya.

Ada segelintir golongan yang cuba mengambil kesempatan sama ada untuk melemahkan kedudukan beliau atau mengambil peluang untuk memperluaskan empayar mereka apabila mendapati Presiden parti sentiasa mengutamakan kepentingan rakyat.

'Rakyat dahulu, saya kemudian' yang mengagahi kepimpinan Abdullah boleh memakan tuan jika persekitaran kondusif yang cuba beliau promosikan menjadi ruang un-

tuk berebut sumber yang terhad tanpa memberi kepentingan kepada matlamat parti dan kerajaan. Akibat sekumpulan individu, Abdullah boleh menjadi mangsa konflik dalam parti.

Tradisi perlu dikekalkan bersama kesetiaan yang tidak berbelah bahagi tetapi ini tidak bermakna pemimpin tidak boleh dibisik perkara yang sebenar kerana Abdullah sendiri menyatakan bahawa parti akan roboh jika kaki bodek mengelilinginya. Sebagai Presiden parti, Perhimpunan Agung kali ini wajar digunakan untuk memberi kekuatan dan panduan supaya pentadbirannya menjadi lebih strategik.

Agenda UMNO Abdullah bukan untuk melihat siapa kuat, siapa lembik, tetapi siapakah yang menerima habuan terbesarnya kalau bukan rakyatnya sendiri. Cita-cita Presiden parti bergantung kepada sejauh mana majoritinya menerima penjelasan Abdullah serta bersedia bersama-sama beliau berjuang dalam memartabatkan kedudukan bangsa dan memperjuangkan pengisian yang dicadang oleh Presiden parti.

DR SIVAMURUGAN PANDIAN ialah pensyarah di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang.